

SOALAN NO. 22

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]
TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)
SOALAN : Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana keberkesanan pasar tani yang diadakan seluruh negara bagi meningkatkan ekonomi petani dan nelayan sedangkan ramai antara peniaga pasar tani itu sendiri membeli barang di pasar borong.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dengan pewujudan pasar tani ini di seluruh negara, pengguna boleh mendapatkan bekalan keperluan harian terutamanya bagi komoditi hasil produk agromakanan dengan mudah pada harga yang berpatutan dan juga pengeluar mendapat pulangan yang munasabah. Usaha FAMA dan LKIM ini telah meningkatkan ekonomi petani dan nelayan dari segi:

i. Peningkatan akses pasaran

Pertambahan rangkaian Pasar Tani di seluruh negara telah dapat meningkatkan akses pasaran hasil produk agromakanan, peningkatan nilai jualan serta bilangan usahawan pemasar. Pengukuran untuk kriteria ini dapat diperjelas dengan peningkatan lokasi atau tapak baru Pasar Tani. Bilangan Pasar Tani baru telah meningkat secara puratanya sebanyak 11% dari tahun 2006 hingga 2013 iaitu dari 250 buah kepada 517 buah. Melalui pembukaan Pasar Tani baru, ia memberi peluang kepada petani dan nelayan untuk meningkatkan pendapatan

serta meluaskan kawasan pemasaran di samping memberi perkhidmatan kepada pengguna.

ii. Peningkatan Nilai Jualan

Pasar Tani telah memberi impak kepada petani dan nelayan secara langsung berdasarkan kepada peningkatan nilai jualan. Secara tidak langsung ianya menyumbang kepada peningkatan ekonomi Negara khususnya barang yang berasaskan pertanian. Nilai jualan di Pasar Tani telah meningkat dari RM250 juta tahun 2006 kepada RM668 juta tahun 2013. Secara purata nilai jualan meningkat sebanyak 16% setahun.

iii. Peningkatan Bilangan Usahawan Pemasar

Impak daripada pewujudan Pasar Tani ini juga telah melahirkan ramai usahawan yang kebanyakannya terdiri dari pengeluar atau petani dan nelayan kecil yang berasal dari luar bandar. Pasar Tani telah berjaya mewujudkan peluang pekerjaan dan sehingga 2013 bilangan peserta Pasar Tani adalah seramai 23,554 orang.

iv. Penyertaan PNK, PPN dan NEKMAT di Pasar Tani

Selain itu, Persatuan Nelayan Kawasan (PNK), Persatuan Nelayan Negeri (PPN) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) juga telah menyertai jualan ikan segar di 276 buah pasar tani di seluruh negara. Untuk makluman, tidak dinafikan bahawa terdapat sesetengah usahawan mendapatkan bekalan dari Pasar Borong bagi komoditi terpilih seperti cili padi, bawang, lobak merah, kentang, brokoli dan lain-lain yang tidak dikeluarkan di dalam negara atau diusahakan dalam skala yang kecil. FAMA dengan kerjasama Jabatan/ Agensi di bawah MOA telah dan sedang mengambil langkah proaktif bagi memperkuuhkan bekalan terus dari ladang ke Pasar Tani melalui pelaksanaan Program Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak Terus Ke Pasar Tani (KUKUH) dan Ladang Kontrak. Usaha NEKMAT dan Persatuan Nelayan membeli terus hasil tangkapan nelayan dan dipasarkan ke Pasar Tani kendalian FAMA turut dapat meningkatkan ekonomi nelayan di mana harga yang ditawarkan oleh NEKMAT dan Persatuan Nelayan adalah pada nilai yang munasabah dan berpatutan.